

BENEFISIARI WAKAF AHLI MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH DAN PERUNDANGANNYA DI MALAYSIA: KAJIAN DI 5 BUAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) TERPILIH

Beneficiaries of Waqf Ahli from the Perspective of Syariah and It's Legal Provision in Malaysia: Study in 5 Selected State Islamic Religious Councils (SIRCs)

Sakinah Abdul Samad^{1a*}, Sufian Che Abdullah^{2b} dan Kamaruzaman Noordin^{3c}

^aJabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Emel: sakinahabdulsamad94@gmail.com¹

^bJabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Emel: sufyan@um.edu.my²

^cJabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Emel: zamann@um.edu.my³

*Corresponding Author: sakinahabdulsamad94@gmail.com

Received: 31 January 2023

Accepted: 23 October 2023

Published: 15 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.513>

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p>Wakaf Ahli pernah memainkan peranan signifikan dalam pembangunan ummah satu ketika dahulu. Di Malaysia, walaupun praktis Wakaf Ahli tidak begitu popular, namun terdapat rekod yang menunjukkan kewujudan pengamalan Wakaf Ahli di kalangan masyarakat. Namun begitu, praktis Wakaf Ahli dilihat tidak begitu digalakkan atas faktor kesulitan dalam pengurusannya. Oleh itu, artikel ini bertujuan melihat pelaksanaan Wakaf Ahli dari sudut perundangan di beberapa buah negeri di Malaysia iaitu MAIN Kelantan, Pulau Pinang, Terengganu, Perak dan Johor. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini telah menggunakan metodologi analisis dokumen terhadap kitab Fiqh, Enakmen Wakaf dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN). Data yang</p> | <p>Waqf Ahli once played a significant role in the development of the civilization. In Malaysia, although the practice of Waqf Ahli is not very popular, there are few records showing the practice of Waqf Ahli among the community. However, the practice of Waqf Ahli is seen as not being encouraged due to the difficulty in its management. Therefore, this study aims to identify the legal provision of Waqf Ahli in selected State Islamic Religious Councils (SIRCs) which are SIRC in Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Perak and Johor. In order to achieve this objective, this study has used the methodology of document analysis toward waqf enactment and Administration of the Religion of Islam. The data obtained was analyzed thematically using Atlasti software version 8. The finding of study found that the beneficiaries of Waqf Ahli need to be set as Waqf Musytarak with the</p> |

| | |
|---|---|
| <p>diperolehi telah dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian Atlasti.8. Hasil kajian mendapati benefisiari Wakaf Ahli perlu dilakukan secara musytarak dengan Wakaf Umum di mana benefisiari keluarga selama 2 generasi kemudian disalurkan kepada masyarakat umum.</p> <p>Kata kunci: Wakaf Ahli, , MAIN, fiqh, Perundangan, musytarak</p> | <p>benefit going to the family for 2 generations and after that shall pass to the destitute as General Waqf.</p> <p>Keywords: Wakaf Ahli, MAIN, fiqh, legal provision, musytarak</p> |
|---|---|

1. PENGENALAN

Wakaf Ahli adalah jenis wakaf yang ditujukan untuk kebajikan ahli keluarga dan merupakan instrumen penting untuk memelihara warisan harta keluarga. Pentingnya meninggalkan ahli keluarga dalam keadaan yang stabil telah disyorkan oleh Al-Quran melalui pelbagai cara termasuk faraid, wasiat, dan wakaf (Asiah, 2018). Nabi Muhammad juga menggalakkan amalan wakaf, terutama untuk tujuan kebajikan dan kelangsungan keluarga, dengan menyatakan bahawa memberikan sedekah kepada ahli keluarga lebih baik daripada memberikan sedekah kepada pengemis (Abdel Mohsin, 2010). Selain itu, sejarah juga membuktikan bahawa amalan wakaf yang biasa berlaku hari ini berasal dari amalan Wakaf Ahli pada masa dahulu (Asiah, 2018).

Di Malaysia, praktis Wakaf Ahli tidak popular di kalangan masyarakat. Walaupun begitu, di Malaysia, praktis Wakaf Ahli tidak dibatalkan seperti yang berlaku di negara lain seperti Mesir, Sudan, Tunisia, dan Syria (Abdel Mohsin, 2010). Oleh itu, terdapat beberapa rekod yang menunjukkan pengamalan Wakaf Ahli di beberapa negeri di Malaysia. Namun, pencapaian Wakaf Ahli tidak begitu menggalakkan disebabkan oleh kesulitan dalam pengurusan. Faktor utama yang menyumbang kepada kesulitan ini adalah kekurangan pemastian terhadap identiti benefisiari ahli keluarga, kesukaran untuk mengenal pasti keturunan keluarga yang kian bertambah dan sifat eksklusif hanya untuk keluarga. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menjawab masalah ini dan implikasinya akan memberikan sumbangan kepada pihak seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pihak keluarga.

2. PENGERTIAN WAKAF AHLI DAN DALIL PENSYARIATAN

Wakaf Ahli didefinisikan sebagai wakaf yang ditujukan kepada individu atau golongan tertentu, seperti keluarga, dan setelah kematian mereka, wakaf itu berubah menjadi wakaf umum. Banyak ulama Muslim, termasuk Mazhab Syafie (as-Syairazi, 1996), Hanafi, Hanbali (Ibn Qadamah, 1986), dan Maliki (al-

Qarafi, 1994), setuju bahwa Wakaf Ahli adalah sah. Ini juga didukung oleh ulama Muslim di Mesir seperti Syeikh Muhammad Bakhit al-Mutii', Abdul Rahman Qara'ah, Muhammad Husnin al-A'dawi, dan Syeikh Muhammad Syakir (U'sman Thabir, 2002). Wakaf Ahli sudah dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad saw. Dalil-dalil untuk mempraktikkan Wakaf Ahli adalah sebagai berikut.

Allah swt berfirman:

لن تنالوا البر حتى تنفقوا مما تحبون وما تنفقوا من شيء فإن الله به عليم

Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah maha Mengetahui. (Al-Imran 3:92)

Diriwayatkan oleh Anas ra:

Apabila ayat al-Quran yang berbunyi, "Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai" diturunkan, Abu Talhah datang kepada Nabi Muhammad saw dan berkata, "Wahai Rasulullah, Allah berfirman dalam kitabNya yang berbunyi, "Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai...", dan harta yang paling aku sayangi adalah Bairuha'. Oleh itu, aku serahkan tanah Bairuha' ini untuk Allah dan Rasulullah supaya aku memperoleh ganjaran pahala dari Allah swt di akhirat kelak. Jadi gunakanlah ianya wahai Rasulullah seperti mana yang Allah sarankan. Kemudian Rasulullah saw bersabda, "Tahniah Abu Talhah. Kami telah menerima pemberianmu dan kini kami mengembalikannya kepadamu untuk diagihkan hasilnya kepada saudara maramu". Selepas itu, Abu Talhah mengagihkan hasil daripada tanah Bairuha' itu kepada saudara maranya, antara mereka ialah Ubai dan Hasan.

(Sahih al-Bukhari 2758)

Maksud hadis: Tindakan Abu Talhah yang mengagihkan hasil dari Bairuha' kepada saudara-maranya menunjukkan kepada kebolehan dan kesahan Wakaf Ahli. Sekiranya wakaf kepada ahli keluarga tidak sah, sudah tentu Rasulullah saw melarang tindakan Abu Talhah berkenaan. Oleh itu, wakaf adalah sah

jika ditujukan kepada ahli keluarga sama ada mereka kaya atau miskin dan sama ada mereka adalah waris atau bukan waris. Keadaan ini juga membuktikan bahawa wakaf kepada waris adalah lebih utama disebabkan hubungan mereka lebih rapat kepada *waqif*.

(Abu Zahrah, 1971)

Diriwayatkan Sa'ad Bin Malik, Nabi Muhammad saw bersabda, "adalah lebih baik kamu meninggalkan anak-anak dalam keadaan mereka berharta berbanding dalam keadaan miskin dan meminta-minta kepada orang lain".

(Sahih al-Bukhari 3936)

Makna hadis: Wakaf adalah satu kebajikan sukarela yang dilakukan bertujuan untuk meringankan beban fakir miskin. Oleh itu, wakaf lebih lagi perlu digunakan untuk memastikan kelangsungan hidup keluarga memandangkan ahli keluarga adalah sebahagian daripada masyarakat.

Di samping itu, praktis Wakaf Ahli juga dilakukan oleh kebanyakan sahabat Nabi, seperti Uthman bin Affan yang mewakafkan hartanya di Khaibar untuk anaknya Aban bin Uthman dengan syarat harta itu tidak boleh dijual, diberi sebagai hadiah, atau diwarisi (as-Syaibani, 1999). Az-Zubair bin al-Awwam juga mewakafkan rumah kepada anaknya (as-Syaibani, 1999). Secara kesimpulan, wakaf adalah bentuk kebajikan di mana harta wakaf ditahan dan hanya manfaatnya diberikan untuk kebajikan umum dan kebajikan keluarga, memandangkan ahli keluarga dianggap sebahagian daripada masyarakat umum (Makhluf al-A'dawi, 1351).

3. PERBINCANGAN FUQAHA TERHADAP WAKAF AHLI

Ahli keluarga merupakan golongan benefisiari wakaf yang akan mati kesemuanya pada satu masa. Oleh itu, keadaan ini menimbulkan persoalan berkaitan kesahan wakaf yang ditujukan kepada ahli keluarga memandangkan ianya bercanggahan dengan konsep berkekalan wakaf. Sehubungan dengan itu, pengkaji membincangkan pandangan sarjana Muslim berkaitan hukum Wakaf Ahli dari aspek benefisiari akhir Wakaf Ahli dan had benefisiari generasi keluarga seperti yang dibincangkan di bawah.

3.1 *Benefisiari Akhir Wakaf Ahli*

Wakaf mempunyai keistimewaan yang membezakannya dengan

kebijakan lain iaitu ciri-cirinya yang berkekalan. Oleh itu, Fuqaha Muslim telah bersepakat bahawa wakaf perlu dilakukan secara berkekalan dan mampu memberi manfaat kepada benefisiari secara berterusan. Oleh yang demikian, Fuqaha Muslim mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Wakaf Ahli berikutan ciri-ciri ahli keluarga sebagai satu kumpulan yang akan putus dan mati pada suatu masa seterusnya menghalang wakaf daripada berterusan memberi manfaat. Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah meneliti perbincangan pandangan Fuqaha Muslim seperti berikut.

Wakaf yang ditujukan untuk kebajikan benefisiari yang mempunyai ciri-ciri akan putus seperti keluarga dianggap sah oleh Mazhab Maliki, Abi Yusuf daripada Mazhab Hanafi, pandangan rajih daripada Mazhab Shafie (Ibn Qadamah et. al, 1347) dan Mazhab Hanbali (al-Kabisi, 1977). Mazhab Maliki merupakan mazhab yang membenarkan Wakaf Muaqqat (wakaf bertempoh). Oleh yang demikian, Mazhab Maliki tidak menghalang wakaf ditujukan kepada benesiari yang akan putus (Ibn Qadamah et. al, 1995). Menurut pandangan rajih daripada Mazhab Syafie, wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah sah. Oleh itu, apabila benefisiari ini telah habis dan putus, maka wakaf akan kembali semula kepada pemilikan waris yang terdekat dengan pewakaf (as-Shairazi, 1996 dan Abdul Rahman, 1347). Pandangan ini turut disokong oleh Mazhab Hanbali yang menyatakan bahawa wakaf untuk benefisiari yang akan putus adalah sah walaupun tanpa menyalurkan hasilnya kepada fakir miskin setelah kematian semua benefisiari. Menurut mazhab Hanbali, selepas kematian semua benefisiari, wakaf akan kembali kepada pemilikan keluarga si pewakaf (Ibn Qadamah, 1986). Manakala, Abi Yusuf dalam kitab al-Mabsut ada menyatakan bahawa wakaf tetap sah dilakukan walaupun tanpa memenuhi ciri-ciri berkekalan dan seterusnya mengizinkan wakaf ditujukan kepada benefisiari yang bersifat akan putus (as-Sarakhsi, 1989).


Sebaliknya, Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad berpandangan bahawa wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah tidak sah kecuali jika ianya ditujukan kepada fakir miskin selepas kematian benefisiari pertama berkenaan (al-Murghinani, 1417; Abi Bakr al-Hadadi, 1322). Pandangan ini adalah disebabkan Mazhab Hanafi berpegang kepada ciri-ciri berkekalan yang perlu dipenuhi dalam setiap penciptaan wakaf. Sebagai contoh, sekiranya *waqif* menyatakan bahawa harta ini ditahan untuk diwakafkan kepada golongan yang miskin dari kalangan keluarga atau untuk diwakafkan untuk ahli keluarga, maka wakaf dalam keadaan ini dilihat batal dan tidak sah. Keadaan ini berikutan ciri-ciri ahli keluarga sebagai benefisiari yang akan putus dan mati pada satu ketika masa seterusnya menghalang ciri-ciri berkekalan wakaf. Oleh itu, wakaf yang ditujukan kepada ahli keluarga

dianggap sah hanya sekiranya wakaf berkenaan disalurkan kepada golongan fakir miskin selepas kematian semua ahli keluarga (Ibn A'bidin, 2003). Pandangan ini turut disokong oleh riwayat kedua Mazhab Syafie yang menganggap wakaf untuk benefisiari yang akan putus adalah tidak sah disebabkan tidak memenuhi ciri-ciri berkekalan wakaf (Ibn Qadamah, 1995). Oleh itu, wakaf hanya dibenarkan dilakukan dalam 2 bentuk iaitu wakaf untuk benefisiari yang tidak akan putus seperti fakir miskin atau pelajar, dan wakaf untuk benefisiari yang akan putus kemudian disalurkan kepada benefisiari yang tidak putus sebagai contoh wakaf untuk individu tertentu kemudian disalurkan kepada fakir miskin (as-Syairazi, 1996). Keadaan ini turut disokong oleh Imam Ahmad yang menyatakan, "wakaf untuk ahli keluarga perlu disalurkan kepada golongan fakir miskin selepas kematian semua benefisiari ahli keluarga" (Ibn Qadamah et. al, 1347).

Selepas perbincangan ini, pengkaji berpendapat bahawa wakaf untuk benefisiari yang akan putus seperti ahli keluarga perlu dilakukan secara wakaf *musytarak* dan selepas kematian semua ahli keluarga yang telah ditetapkan, hasil wakaf disalurkan kepada fakir miskin seperti mana yang dinyatakan oleh Ibn Qadamah dalam kitab al-Mabsut (Ibn Qadamah et. al, 1347). Pandangan ini juga selari dengan pendapat as-Syarbani yang menyatakan bahawa wakaf sementara adalah sah sekiranya hasil wakaf disalurkan kepada benefisiari lain selepas kematian semua benefisiari yang pertama. Sebagai contoh, "wakaf ini disalurkan kepada Zaid selama setahun dan selepas itu diberikan kepada fakir miskin" (as-Syarbani, 1997).

Kesimpulan ini telah mengambil kira 3 aspek. Yang pertama adalah ciri-ciri ahli keluarga sebagai benefisiari sementara. Keadaan ini penting bagi menggalakkan ahli keluarga turut sertai dalam sektor pekerjaan yang seterusnya menyumbang kepada sektor ekonomi tanpa mengharapkan sepenuhnya kepada hasil wakaf semata-mata. Yang kedua adalah untuk menjaga kemaslahatan *mauquf*. Keadaan ini dapat diterangkan dengan gambaran bahawa Wakaf Ahli yang dilakukan secara selama-lamanya tanpa ditentukan benefisiari akhir akan menyulitkan pihak berkuasa untuk mengenal pasti ahli keluarga. Keadaan ini bertambah buruk apabila semua ahli keluarga telah mati seterusnya menyebabkan aset wakaf terbiar tanpa mampu disalurkan hasilnya kepada golongan lain. Manakala, sebab ketiga adalah untuk menjaga tujuan dan objektif wakaf sebagai sistem kewangan sosial Islam. Oleh itu, sebahagian hasil wakaf perlu disalurkan kepada kebajikan umum sosial walaupun sedikit. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, pengkaji berpandangan bahawa wakaf untuk ahli keluarga adalah sah dan ianya perlu dilakukan secara wakaf *musytarak* dengan kebajikan umum yang lain dan benefisiari akhirnya perlu diberikan kepada kebajikan umum. Melalui wakaf

musytarak ini, pewakaf boleh membuat wakaf bagi tujuan kebajikan keluarga sebanyak 90% selama 2 generasi dan baki 10% adalah untuk kebajikan umum yang lain. Selepas 2 generasi tersebut, maka keseluruhan wakaf secara 100% akan disalurkan kepada kebajikan umum masyarakat. Reka bentuk Wakaf Ahli yang dilakukan secara *musytarak* ini bukan sahaja menjamin kebajikan benefisiari keluarga, malah selari dengan sistem wakaf yang bersifat kewangan sosial Islam. Rajah di bawah menjelaskan reka bentuk Wakaf Ahli secara *musytarak*:



Rajah 1.0 Reka Bentuk Wakaf Ahli secara *musytarak* dengan Wakaf Umum

3.2 Had Generasi Benefisiari Keluarga

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa Fuqaha Muslim bersetuju Wakaf Ahli dibuat secara sementara untuk benefisiari ahli keluarga sebelum disalurkan kepada fakir miskin selepas itu. Di samping itu, antara Fuqaha Muslim yang membenarkan dengan jelas wakaf dibuat secara sementara ialah mazhab Maliki, Abu Yusuf dari mazhab Hanafi, dan Ibn Sarij dari mazhab Syafie. Menurut mazhab Maliki, ciri-ciri berkekalan tidak dianggap sebagai keperluan penciptaan sesuatu wakaf. Oleh itu, wakaf boleh dibuat secara sementara menurut mazhab Maliki. Pendapat ini dapat dilihat dengan jelas melalui definisi wakaf yang dinyatakan oleh Ibn Abd Salam, “untuk memberikan manfaat daripada pemilikan seseorang (walaupun pemilikan itu secara sewaan) atau hasil pendapatan daripada pemilikan berkenaan kepada benefisiari mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pewakif” (ad-Dardir, 1119). Sementara itu, Ibn A’rafah berpandangan bahawa

wakaf boleh dibuat selagi mana harta wakaf itu wujud. Walaubagaimanapun, sekiranya wakaf dibuat tanpa dikhususkan golongan penerima manfaat wakaf, wakaf secara automatik akan menjadi terikat dan dibuat secara selamanya dan hasil wakaf diagihkan mengikut adat kebiasaan sesebuah negara, kepada fakir miskin dan untuk tujuan kebajikan (al-A'dawi, 1317).

Selain daripada itu, Abi Yusuf dari mazhab Hanafi juga antara Fuqaha Muslim yang membenarkan wakaf dibuat secara sementara. Beliau ada menyatakan, "sekiranya sesuatu harta dijadikan wakaf untuk individu tertentu atau untuk beberapa tempoh tertentu, wakaf dianggap sah dan selepas itu hasil wakaf akan disalurkan kepada fakir miskin atau kembali kepada pemilikan pewakaf atau waris pewakaf (Ibn A'bidin, 2003). Abi Yusuf pula berpandangan bahawa ciri-ciri berkekalan tidak dianggap sebagai rukun penciptaan wakaf, oleh itu wakaf dibenarkan dibuat kepada benefisiari yang akan putus. Walau bagaimanapun, pandangan ini berbeza dengan pandangan Imam Muhammad yang membenarkan wakaf dibuat kepada benefisiari yang akan putus dengan syarat ianya disalurkan kepada fakir miskin selepas benefisiari yang akan putus (as-Sarkhasi, 1989).

Bagi mazhab Shafie, terdapat satu riwayat daripada Abu al-A'bbas Bin Sarij membenarkan wakaf dibuat secara sementara. Sebagai contoh, wakaf dianggap sah sekiranya pewakaf menyatakan, "rumahku dijadikan sebagai wakaf untuk Zaid selama 1 tahun" (al-Mawardi, 1994). Tambahan daripada itu, Muhammad Bin Hassan pula menyatakan bahawa sekiranya harta wakaf rosak, ianya akan kembali kepada pemilikan pewakaf. Hal ini adalah disebabkan ciri-ciri wakaf yang melepaskan hanya manfaatnya kepada kebajikan. Oleh itu, kelayakan benefisiari akan terhenti apabila harta wakaf rosak dan tidak mampu menghasilkan apa-apa manfaat (Ibn Qadamah et. al, 1347).

Oleh itu, kesemua Fuqaha Muslim telah bersetuju bahawa Wakaf Ahli dibuat secara sementara iaitu selama 2 generasi iaitu tidak melebihi 60 tahun (Abu Zahrah, 1971). Berikutan itu, pengkaji bersetuju dengan pandangan ini yang menghadkan Wakaf Ahli kepada 2 generasi keluarga dan selepas itu disalurkan kepada masyarakat umum sebagai Wakaf Am. Pandangan ini mengambil kira praktis semasa Wakaf Ahli di beberapa buah negeri di Malaysia yang dilaksanakan tanpa meletakkan limit tempoh masa yang kemudiannya menyebabkan kesukaran mengenal pasti pertambahan ahli keluarga. Selain daripada itu, nilai hasil wakaf yang diterima oleh ahli keluarga yang semakin bertambah menunjukkan nilai yang tidak ekonomi di mana jika di kira tidak mampu menampung kos sara hidup harian pada hari ini. Oleh itu, roh di sebalik pengamalan Wakaf Ahli iaitu untuk menjamin kebajikan ahli

keluarga dilihat tidak mampu dicapai sekiranya Wakaf Ahli dilakukan tanpa menghadkan tempoh masa terhadap benefisiari keluarga (Sakinah Abdul Samad, 2023).

4. WAKAF AHLI DI MALAYSIA

Kewujudan pertama institusi wakaf di Malaysia adalah sukar untuk dikenal pasti. Walaubagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa praktis wakaf di Malaysia adalah bertitik tolak dari pengamalan saudagar Arab khususnya golongan Arab *Hadhrami* (dari selatan semenanjung Arab) yang menetap di wilayah Tanah Melayu pada ketika itu (Redzuan Othman, 2006). Kedatangan Arab *Hadhrami* bukan sahaja membawa ilmu berkaitan perdagangan, tetapi turut bawa bersama kemahiran mereka berkaitan pengurusan harta dengan menggunakan kaedah wakaf ke Tanah Melayu. Oleh itu, praktis wakaf di Tanah Melayu sama ada Wakaf Am dan Wakaf Ahli adalah berpunca daripada budaya Arab *Hadhrami* yang kemudiannya berterusan diamalkan sehingga zaman Abbasiyah dan Uthmaniyah sebelum jatuh menjadi negeri naungan British (Jonathan Miran, 2009). Ketika zaman ini, wakaf bertindak sebagai instrumen untuk mengurangkan kemiskinan, membaik pulih sekolah dan masjid (Jonathan Miran, 2009).

Walaubagaimanapun, praktis wakaf terutamanya Wakaf Ahli mula merosot ketika zaman penjajahan. Landskap wakaf banyak berubah berikutan campur tangan penjajahan ketika itu. Perkara asas yang disentuh adalah berkaitan interpretasi Inggeris terhadap kebajikan. Disebabkan wakaf mempunyai ciri-ciri kekekalan yang mampu menghalang sesuatu aset di pasaran, Inggeris bertindak dengan mendefinisikan “kebajikan” hanya kepada kebajikan umum dan untuk tujuan keagamaan yang seterusnya menafikan kesahan Wakaf Ahli sebagai satu bentuk kebajikan (Nurfadzilah Yahaya, 2013). Seterusnya, campur tangan Inggeris dalam urusan agama dilihat apabila mereka memperkenalkan “undang-undang bercanggahan kekekalan” (*rule against perpetuity*) yang menyatakan bahawa tempoh sesuatu aset ditahan sebagai kebajikan perlulah tidak melebihi 21 tahun (Nurfadzilah Yahaya, 2013). Berikutan itu, ciri-ciri kekekalan wakaf turut terkesan dan kes berkaitan Wakaf Ahli mula didengari di mahkamah seterusnya dihakimi menggunakan undang-undang am tanpa mengambil kira undang-undang Islam.

Di samping itu, polisi British turut memperkenalkan sistem *Torren* di Tanah Melayu yang dikenali sebagai pemilikan tanah persendirian. Di bawah sistem *Torren*, tanah akan dipecahkan secara kecil-kecil kepada tanah persendirian, boleh dijual beli dan dikenakan cukai. Oleh yang demikian, penjajah ketika itu berhasrat untuk membeli tanah yang dipecahkan untuk membuat

perladangan. Namun begitu, hasrat mereka tidak dapat dilakukan berikutan adanya penciptaan Wakaf Ahli di atas tanah tersebut. Kesan daripada keadaan ini, penjajah telah memperkenalkan Enakmen Larangan Wakaf 1911 yang telah dikuatkuasakan di Johor seterusnya memberi kesan kepada larangan membuat Wakaf Khas di negeri berkenaan (Cizacka, 2018).

Walaupun bagaimanapun, praktis Wakaf Ahli kembali mendapat tempat apabila Enakmen Pengesahan Wakaf 1972 diperkenalkan seterusnya memansuhkan Enakmen Larangan Wakaf 1911 pada tahun 1978. Melalui Enakmen Pengesahan Wakaf 1972, praktis Wakaf Ahli diiktiraf sah dan pengamalan wakaf tidak dipengaruhi oleh konsep kebajikan Inggeris dan sistem *Torren*. Dengan itu, mahkamah diberi kebebasan untuk mengadili kes berkaitan wakaf mengikut undang-undang Islam (Cizacka, 2018).

Pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu akhirnya mencapai kemerdekaan (Siti Mashitoh, 2006). Islam diangkat menjadi agama rasmi Persekutuan dan negeri diberi kuasa mentadbir urusan agama (Hooker, 2002). Penubuhan majlis agama negeri telah dipertanggungjawabkan untuk urusan agama termasuk zakat dan wakaf (Hisyam Yaacob, 2013). Setiap majlis agama mempunyai undang-undang pentadbiran agama Islam tersendiri dan diiktiraf sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf. Bermula pada tahun 1970, semua harta wakaf telah diletakkan hak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Siti Mashitoh, 2006). Di samping itu, Wakaf Ahli turut disebut dalam enakmen wakaf sebagai “Wakaf Khas”, “Wakaf Ahli” atau “Wakaf Zurri”. Tambahan daripada itu, landskap wakaf kian berkembang apabila terdapat fatwa yang membenarkan perniagaan keluarga diletakkan di bawah sistem Wakaf Ahli (Asiah Mohamad, 2018).

5. METODOLOGI KAJIAN

Data primer bagi kajian ini diperoleh menerusi kajian perpustakaan terhadap kitab Fiqh berkaitan perbincangan Fuqaha terhadap benefisiari Wakaf Ahli. Selain daripada itu, pengumpulan data juga dilakukan menerusi rujukan kepada subseksyen berkaitan wakaf dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN), Enakmen Wakaf Negeri-negeri dan Undang-undang Wakaf Johor 1983 seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1. Perundangan Wakaf Mengikut Negeri-negeri Terpilih .

| Negeri | Perundangan Wakaf |
|----------|---|
| Kelantan | Enakmen Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 |

| | |
|--------------|---|
| Terengganu | Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Terengganu) 2001 |
| Perak | Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 |
| Pulau Pinang | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 |
| Johor | Undang-undang Wakaf Johor 1983 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2001 |

Bagi menganalisis data primer yang telah diperoleh melalui kajian perpustakaan, kaedah analisis kandungan digunakan. Pengkaji akan menganalisis maklumat secara tekstual dan mengenal butirannya secara sistematik mengikut tema tertentu.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN), Enakmen Wakaf Negeri-negeri dan Undang-undang Wakaf Johor 1983, terdapat perkara yang dinyatakan berkaitan Wakaf Ahli yang boleh dibahagikan kepada 2 tema iaitu benefisiari Wakaf Ahli dan had benefisiari generasi keluarga

6.1 *Benefisiari Wakaf Ahli*

Kesemua 5 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menggunakan istilah yang berbeza dalam menginterpretasikan Wakaf Ahli. Di Terengganu, Wakaf Ahli disebut dengan istilah “waris” sebanyak 2 kali dalam seksyen yang berbeza seperti berikut: (1) “...tidak ada apa-apa yang boleh menyekat *waqif* untuk mewakafkan hartanya lebih daripada 1/3 kepada sesiapa yang dikehendaki termasuk warisnya” (Enakmen Wakaf Terengganu 2016, s13), “sesiapa yang ingin melakukan wakaf juga boleh mewakafkan hartanya kepada warisnya” (Enakmen Wakaf Terengganu 2016, s35) dan “wakaf kepada waris tidak boleh dilakukan ketika *maradal maut* (sakit di ambang kematian) kecuali sekiranya mendapat persetujuan semua ahli waris” (Enakmen Wakaf Terengganu, s35). Berdasarkan peruntukan di negeri ini, Wakaf Ahli boleh diberikan kepada waris *waqif* yang merujuk kepada mereka yang mempunyai kelayakan dalam harta pusaka.

Manakala, Undang-undang Johor 1983 mendefinisikan Wakaf Ahli sebagai wakaf yang ditujukan hasilnya kepada keturunan *waqif* atau kepada keturunan benefisiari wakaf (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s2). Dalam Undang-undang Johor 1983 menyatakan, “*waqif* boleh mewakafkan hartanya tidak

melebihi 1/3 harta kepada warisnya atau bukan waris atau untuk tujuan kebajikan umum..."(Undang-undang Wakaf Johor 1983, s16) dan *waqif* boleh mewakafkan kesemua hartanya kepada isteri atau isteri-isterinya dan ibu bapanya yang wujud ketika kematian *waqif* (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s16). Di samping itu, Undang-undang Wakaf Johor juga menyebut bahawa Wakaf Ahli boleh dibuat dengan mewakafkan rumah dan manfaatnya diberikan kepada ahli keluarga untuk tinggal di dalam rumah tersebut (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s16).

Bagi negeri Perak, Wakaf Ahli diinterpretasikan menggunakan istilah "Wakaf Ahli" dan "Wakaf Zurri". Dalam seksyen 2 bahagian penciptaan wakaf telah menyebutkan "wakaf boleh dibuat sebagai Wakaf Ahli..." (Enakmen Wakaf Perak 2015, s10) dan "wakaf yang dibuat oleh *waqif* kepada keluarganya, atau untuk individu atau golongan tertentu untuk tujuan kebajikan" (Enakmen Wakaf Perak 2015, s10).

Walau bagaimanapun, istilah Wakaf Ahli tidak di dapati dalam perundangan EPAIN Kelantan dan Pulau Pinang secara khusus tetapi didapati dalam kategori Wakaf Khas. Jadual 2 merumuskan peruntukan undang-undang bagi benefisiari Wakaf Ahli di 5 buah MAIN ini.

Jadual 2. Benefisiari Wakaf Ahli di 5 Buah MAIN Terpilih .

| Majlis Islam (MAIN) | Agama Negeri | Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) | Enakmen Wakaf | Undang-undang Wakaf Johor 1983 |
|---------------------|--------------|--|-------------------------|---|
| Johor | | Wakaf Khas | - | Wakaf yang ditujukan hasilnya kepada keturunan <i>waqif</i> atau keturunan <i>mauquf</i> alaihi |
| Perak | | Wakaf Khas | Wakaf Ahli, Wakaf Zurri | - |
| Terengganu | | Wakaf Khas | Wakaf kepada waris | - |
| Kelantan | | Wakaf Khas | - | - |
| Pulau Pinang | | Wakaf Khas | - | - |

6.2 Analisis Benefisiari Wakaf Ahli

Berdasarkan kepada analisis, penggunaan istilah Wakaf Zurri dilihat tidak seragam bagi setiap MAIN. Di Terengganu, Wakaf Ahli diinterpretasikan sebagai wakaf untuk waris iaitu mereka yang mempunyai kelayakan dalam harta pusaka. Manakala di Johor dan Perak masing-masing menggunakan istilah “keturunan” dan “keluarga” yang merangkumi kesemua waris dan bukan waris.

Pengkaji melihat bahawa peruntukan di negeri Terengganu lebih berhati-hati dalam mentafsirkan Wakaf Ahli dengan menggunakan perkataan yang khusus iaitu “waris” yang merujuk kepada ahli keluarga yang mempunyai hak sebagai waris. Hal ini kerana, kelayakan ahli keluarga dari kalangan bukan waris telah disepakati oleh Fuqaha Muslim manakala kelayakan ahli waris pula mendapat perbezaan pandangan. Namun, tindakan para sahabat seperti az-Zubair bin al-Awwam yang mewakafkan rumahnya kepada anak lelaki dan perempuan menunjukkan keizinan terhadap wakaf kepada ahli keluarga sama ada daripada kalangan waris atau bukan waris (Abu Zahrah, 1971). Selain daripada itu, wakaf Umar al-Khattab kepada keturunannya datang dalam perkataan yang umum yang merangkumi ahli keluarga yang kaya atau miskin, waris atau bukan waris (Abu Zahrah, 1971). Oleh itu, pengkaji melihat bahawa Wakaf Ahli boleh diberikan kepada ahli keluarga sama ada di kalangan waris atau bukan waris.

6.3 Had Generasi Benefisiari Keluarga

Terdapat peruntukan Wakaf Sementara yang disebut secara ringkas dalam peruntukan Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Manakala, peruntukan Wakaf *Muaqqat* (wakaf bertempoh) dalam Undang-undang Wakaf Johor 1983 disebut secara lebih terperinci. Menurut Enakmen Wakaf Terengganu, sesiapa sahaja boleh membuat wakaf sama ada secara sementara atau secara selamanya: “pewakaf boleh membuat Wakaf *Irsad*, Wakaf *Muabbad* dan Wakaf *Muaqqat*...” (Enakmen Wakaf Terengganu 2016, s18). Selain daripada itu, peruntukan dalam enakmen ini turut menerangkan bahawa Wakaf *Muabbad* adalah wakaf yang dibuat secara selama-lamanya dan Wakaf *Muaqqat* adalah wakaf yang dibuat untuk beberapa tempoh masa tertentu (Enakmen Wakaf Terengganu 2016, s18).

Manakala di Johor, terdapat 3 jenis wakaf yang telah diiktiraf. Pertama, wakaf yang perlu dibuat secara selama-lamanya iaitu wakaf masjid. Kedua, wakaf yang boleh dibuat sama ada secara selama-lamanya atau secara sementara iaitu wakaf selain wakaf masjid dan Wakaf Ahli. Ketiga, wakaf yang perlu dibuat

secara sementara iaitu Wakaf Ahli. Menurut Undang-Undang Wakaf Johor 1983, Wakaf Ahli perlu dilakukan selama 60 tahun selepas kematian pewakaf atau selama 2 generasi (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s17). Sementara itu, wakaf akan terhenti dalam 4 keadaan yang berbeza iaitu: (1) selepas tamat tempoh (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s18), (2) selepas kematian semua *mauquf alaihi* (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s18), (3) apabila mati lapisan atas tanpa menyebut bahagiannya diberikan kepada generasinya di lapisan bawah (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s18), (4) harta wakaf telah rosak dan tidak boleh dibaiki atau istibdal dengan harta lain (Undang-undang Wakaf Johor 1983, s18). Jadual di bawah merumuskan peruntukan undang-undang yang mengizinkan Wakaf Sementara.

Jadual 3. Wakaf Sementara di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih

| Majlis Islam (MAIN) | Agama Negeri | Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) | Enakmen Wakaf | Undang-undang Wakaf Johor 1983 |
|---------------------|--------------|--|----------------------|---|
| Johor | | - | - | Wakaf <i>Muabbad</i> , Wakaf <i>Muaqqat</i> |
| Perak | | - | - | - |
| Terengganu | | - | Wakaf <i>Muaqqat</i> | - |
| Kelantan | | - | - | - |
| Pulau Pinang | | - | - | - |

6.3.1 Analisis Had Benefisiari Generasi Keluarga

Enakmen Wakaf Terengganu 2016 dan Undang-undang Wakaf 1983 masing-masing mengiktiraf Wakaf Sementara dan membenarkan Wakaf Ahli. Menurut peruntukan undang-undang, Wakaf Ahli dikategorikan sebagai Wakaf Sementara memandangkan wakaf ini ditujukan kepada golongan benefisiari yang akan putus (apabila mati semua *mauquf alaihi*). Melihat kepada pengiktirafan undang-undang ini. Wakaf Sementara tidak bercanggah dengan rukun kekekalan wakaf seperti mana yang dipegang oleh kebanyakan Fuqaha. Namun, kesemua mazhab Feqah didapati mengiktiraf Wakaf Sementara termasuk Abu al-A'bbas Bin Sarij dari mazhab Syafie, Abu Yusuf dari mazhab

Hanafi dan Ibn A'bd Salam dari mazhab Maliki (al-Mawardi, tt; Ibn A'bidin, tt; al-Dardir, tt). Tambahan daripada itu, peruntukan Undang-undang Wakaf Johor 1983 dilihat selari dengan pandangan majoriti Fuqaha yang menyatakan praktis Wakaf Ahli perlu dilakukan buat sementara waktu sahaja iaitu selama 60 tahun atau 2 generasi (Abu Zahrah, 1971).

Bagi mengharmonikan praktis Wakaf Ahli sebagai Wakaf Sementara dengan rukun kekekalan wakaf seperti yang dipegang oleh mazhab Shafie di Malaysia, pengkaji mencadangkan Wakaf Ahli dibuat secara *musytarak* dengan Wakaf Umum sejak di awal permulaan wakaf kemudian akan dijadikan sepenuhnya sebagai Wakaf Umum selepas habis 2 generasi keluarga tersebut. Bagi mencapai maqasid syariah di sebalik penciptaan Wakaf Ahli iaitu untuk menjaga kelangsungan hidup keluarga, benefisiari akhir Wakaf Ahli disalurkan kepada orang miskin dengan keutamaan kepada ahli keluarga yang miskin.

Cadangan ini selari dengan pandangan Imam Abu Hanifah, Imam Muhammad dan riwayat kedua mazhab Shafie yang menganggap wakaf untuk benefisiari yang akan putus seperti ahli keluarga adalah tidak sah kecuali jika manfaatnya disalurkan kepada fakir miskin sebagai benefisiari akhir (al-Murghinani, tt; al-Hadadi, tt; Ibn Abidin, tt; Ibn Qadamah, tt). Selain itu, Sri Wahyu Sakina (2021), Asiah Mohamad (2018) dan Farhana Suhaimi (2018) menyatakan praktis Wakaf Ahli perlu dibuat secara sementara untuk mengelakkan kesusahan mengenal pasti ahli keluarga yang makin bertambah. Firdaus Ab Rahman (2017) menegaskan 3 cabaran terhadap pelaksanaan Wakaf Sementara iaitu cabaran mazhab utama yang diamalkan di Malaysia, cabaran perundangan dan cabaran keadaan harta wakaf. Oleh itu, dengan menetapkan reka bentuk Wakaf Ahli secara sementara kepada ahli keluarga dan disalurkan kepada fakir miskin sebagai benefisiari akhir dapat menyelesaikan ketiga-tiga cabaran ini iaitu; (1) Dari sudut mazhab Shafie, Wakaf Ahli dianggap sah sekiranya disalurkan kepada fakir miskin sebagai benefisiari akhir, maka tiada isu dari sudut pelanggaran terhadap mazhab mu'tamad di Malaysia (2) Peruntukan perundangan berkenaan Wakaf Ahli ada yang menyatakan wakaf ini dilakukan secara 2 generasi, maka dengan menghadkan Wakaf Ahli kepada beberapa lapisan keluarga menjadikan wakaf ini sah dari sudut perundangan Malaysia, (3) Sifat ahli keluarga sebagai *mauquf alaihi* yang akan putus pada satu ketika maka wakaf ini sesuai dilakukan secara sementara. Seperti mana pandangan yang dilontarkan oleh Firdaus AB Rahman, Siti Mashitoh juga menyatakan kebanyakan enakmen wakaf negeri meletakkan syarat kekekalan bagi penciptaan wakaf. Oleh itu, dengan membuat Wakaf Ahli secara *musytarak* dengan Wakaf Umum yang lain akan secara automatik menjadikan

wakaf ini sah dari sudut perundangan Malaysia dan perundangan Islam (Siti Mashitoh 2021).

7. KESIMPULAN

Wakaf Ahli perlu dihidupkan semula di Malaysia berikutan manfaatnya yang luas meliputi ahli keluarga dan masyarakat umum. Keadaan hari ini yang penuh ketidakpastian menyumbang kepada keperluan Wakaf Ahli untuk dilakukan bagi menjamin kelangsungan hidup ahli keluarga dalam jangka masa panjang. Memandangkan wujudnya keperluan untuk membangunkan Wakaf Ahli, kajian ini mendapati terdapat isu dan cabaran yang perlu diselesaikan dahulu sekiranya Wakaf Ahli diwujudkan. Pertama, terdapat keperluan dari segi undang-undang untuk memperuntukkan Wakaf Ahli secara terperinci dari sudut reka bentuk Wakaf Ahli, tempoh masa serta benefisiari akhir wakaf. Selain daripada itu, akta atau enakmen Wakaf Ahli perlu diwujudkan sebagai salah satu usaha untuk memastikan Wakaf Ahli berjalan secara sistematik dan dapat diadili dengan baik sekiranya terdapat isu-isu yang mencabar pelaksanaannya pada masa akan datang.

8. RUJUKAN

Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj. al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir. Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha. Vol 6. 1347M.

Abi al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib al-Mawardi. al-Hawi al-Kabir Fi Fiqh Mazhab al-Imam as-Syafie Wahuwa Syarhun Mukhtasar al-Mazni. Beirut, Lubnan: Darul Kutub al-Ilmiah. First Edition. Vol 7. 1994.

Abi Bakr Ahmad Bin Amru as-Syaibani. Ahkam al-Awqaf. Beirut, Lubnan: Darul Kutub al-Ilmiah. First Edition. 1999.

Abi Bakr Bin Ali Bin Muhammad al-Hadadi al-I'badī az-Zabidi al-Yamani al-Hanafi. Jauharah an-Nirah. Matba'ah al-Khairiah. First Edition. Vol 1. 1322H.

Abi Ishak as-Shairazi. al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie, Damshik: Darul Qalam. First Edition. Vol 3. 1996.

Abi Muhammad Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi. al-Mughni. Riyadh, Saudi Arabia: Darul A'lim al-Kutub. First Edition, Vol. 8, 1986.

Abū Bakr bin 'Alī bin Muḥammad al-Hadadī al-Ibādī al-Zabidī al-Yamānī al-Ḥanāfi. al-Jawharah al-Nirah. vol. 1. Matba'ah al-Khayriyah, 1322H.

Al-A'lamah Abi al-Barkat Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad Ad-dardir. As-syarhu As-soghīr A'la Aqrab al-Masalik Ila Mazhab al-Imam Malik. Kaherah: Darul al-Ma'arif. 1119.

Al-Dardīr, Abī Barkat Sayyid al-Aḥmad, Sharḥ Ṣaghīr 'ala Aqrab al-Masālik Ila Madhhab al-Imām Mālik.

Al-Māwardī, Abū al-Ḥassan 'Aliyyi Ibn Ḥabīb al-Baṣriyyi. al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī Raḍīya Allah 'anhu. vol. 7. Bayrūt: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah. 1994.

Al-Sarakhsī, Abū Bakr Muḥammad Shams al-Dīn, al-Mabsūṭ. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah. Vol 12. 1989.

- Burhanuddin Abi al-Hasan Ali Bin Abi Bakr al-Murghinani. *al-Hidayah, Syarhun Bidayat al-Mubtada*. Pakistan: Idarah al-Quran Wal Ulum al-Islamiah. First Edition. Vol 4. 1417M.
- Çizakça. "The British Legislation in Malaya and Its Impact Upon the Malaysian Waqf System". Paper Presented at Second Harvard Conference: "Law of Waqf, Modern State Control and Nationalization". 16-18 May 2018.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Terengganu) 2001.
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015.
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.
- Farhana Mohamad Suhaimi, "Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. 2018.
- Hisham Yaacob and Hisham Yaacob. *Waqf History and Legislation in Malaysia : A Contemporary Perspective*. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*. 2013.
- Hooker. "Introduction : Islamic Law in South-East". *Asian Law*. vol. 4. 2002.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn. *Radd al-Muḥtār 'ala al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*. vol. 4. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992.
- Jonathan Miran. *Endowing Property and Edifying Power in a Red Sea Port : Waqf , Arab Migrant Entrepreneurs , and Urban Authority in Massawa , 1860s-1880s*. *The International Journal of African Historical Studies* No 2. 2009.

- Mohammad Redzuan Othman. The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya IN THE HISTORICAL DEVELOPMENT OF THE LATE NINETEENTH AND EARLY TWENTIETH Century Malaya. Paper Presented at the 15th Annual World History Association Conference. USA California. 22-25 June 2006.
- Muafiqiddin Abi Muhammd Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, Shamsuddin Ibn Qadamah al-Muqaddasi and A'lauddin al-Mardawi. al-Muqnie' Wa as-Syarhun Kabir Wal Insof. Darul Hajr. First Edition. Vol 16. 1995.
- Muhamad Firdaus Ab Rahman. Challenges and Problems Facing the Application of Temporary Waqf in Selected States of Malaysia: New Issues and Their Guiding. Journal of King Abdul Aziz University, Islamic Economics. Vol 30. No 3. 2017.
- Muhammad 'Abid al-Kabisī. Ahkām al-Waqf fī Sharī'ah al-Islāmiyyah. Baghdad: Maṭba'ah al-Irshād. Vol 1. 1977.
- Muhammad Abu Zahrah. Muhadarat fi al-Waqf. Darul al-Fikr al-A'rabi, 1971.
- Muhammad al-Kharshi Abu Abdullah Ali al-A'dawi. al-Kharshi A'la Mukhtasar Sayyidi Khalil Wa Bihamishihi Hashiah al-A'dawi. al-Matba'ah al-Amiriah al-Kubra. Vol 7. 1317.
- Muhammad Amin as-Syuhir Ibn A'bidin. Roddul Mukhtar A'la ad-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar. Riyadh: Darul A'lim al-Kutub. Special Edition. Vol 6. 2003.
- Muhammad Amin as-Syuhir Ibn A'bidin. Roddul Mukhtar A'la ad-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar. Riyadh: Darul A'lim al-Kutub. Special Edition. Vol 6. 2003.
- Muhammad Husnain Makhluḥ al-A'dawi. Manhaj al-Yakin Fi Bayan annal Waqf al-Ahli Minaddin. Mustofa Libabi al-Habli Wa Auladudhu Bi Misr, 1351H.
- Muhammad U'sman Thabir, "as-Syeikh Ali al-Khafif, al-Faqih al-Mujaddid", Damsyik; Darul Qalam, First Edition, 2002, 85.

Nor Asiah Mohamad. A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli (Family Waqf) in Promoting Family Security and a Sustainable Family Economy. *IIUM Law Journal*. 2018.

Nurfadzilah Yahaya. British Colonial Law and the Establishment of Waqfs by Arabs in the Straits Settlements, 1869-1941", in *"Worlds of the Trust"*. Cambridge University Press. 2013.

Sakinah Bt Abdul Samad. Application of al-Wilayah in Waqf Ahli: Case Study in Selected State Islamic Religious Councils (SIRCs) in Malaysia. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 2023. 208.

Shamsuddin Muhammad Bin al-Khatib as-Syarbani. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani al-Faz al-Manhaj*. Beirut, Lubnan: Darul Ma'rifat. First Edition. Vol 3. 1997.

Shihabuddin Ahmad Bin Idris al-Qarafi. *az-Zakhirah*. First Edition. Beirut: Darul Ghrab al-Islami, Vol. 6, 1994

Siti Mashitoh Mahamood (Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya. Dalam Temubual Bersama Penyelidik. 18 June 2021.

Siti Mashitoh Mahamood. *Waqf in Malaysia, Legal and Administrative Perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 2006.

Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob and Mohd Fairuz Md. Salleh. *Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam*. Vol 16. No 1. 2021.

Undang-undang Wakaf Johor 1983

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.